

20 JAN 1997

Zaharah-wanita

PROGRAM KESIHATAN KERAJAAN JADI ANAK ANGKAT WANITA UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan menjadikan program kesihatan kerajaan sebagai anak angkat dalam usaha memastikan program itu berjalan lancar, kata ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Menurut beliau antaranya ialah program pencegahan Aids di kalangan remaja dan program bagi mewujudkan khidmat sukarela di kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs).

"Khidmat sukarela itu juga kita ingin wujudkan di kalangan anggota politik supaya mereka prihatin dalam soal kesihatan dan mengenalpasti maklumat utama bagi membantu usaha kerajaan dalam pembinaan satu gagasan masyarakat yang berdaya maju," katanya.

Zaharah, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, berkata demikian dalam rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 mengenai cabaran Wanita Umno tahun ini.

Katanya, Wanita Umno memberi keutamaan dalam soal kesihatan sehingga satu biro khas ditubuhkan yang menjaga kepentingan kesihatan.

"Kementerian telah berbelanja begitu banyak untuk menjaga kepentingan kesihatan dan kita sebagai pertubuhan dan NGO lain harus melengkapkan usaha kerajaan itu," katanya.

Beliau turut ditanya bagaimana wanita Umno menangani budaya punk di kalangan remaja yang hangat diperbincangkan sejak kebelakangan ini sehingga mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zaharah berkata isu itu harus ditangani dengan cara paling mudah yang boleh diterima remaja seperti menasihati mereka bahawa budaya punk tidak sesuai dengan budaya dan norma hidup masyarakat negara ini.

"Tidak guna kita berdebat tetapi kita sendiri tidak secara dekat berkomunikasi dengan golongan itu untuk mengetahui apa sebenarnya yang membuat mereka menciplak budaya asing itu," katanya.

"Kita tidak tahu apakah tindakan mereka itu untuk menunjukkan protes atau sengaja mengikut trend bagi menunjukkan perbezaan diri dengan yang lain," katanya.

-- BERNAMA

NZ AHH